

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes boleh cecah 1,300 sehari jika ingkar SOP

Unjuran berdasarkan kebolehjangkitan semasa yang kini pada kadar 1.5

Oleh Fahmy Azril Rosli dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Angka jangkitan baharu COVID-19 di Malaysia berisiko mencecah 1,300 kes sehari menjelang bulan ini sekiranya semua pihak gagal meningkatkan tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.


Penularan COVID-19 di negara ini terus melonjak sehingga 871 kes baharu semalam, kali keenam angka jangkitan baharu harian tertinggi dicatatkan dalam tempoh 17 hari sejak 2 Oktober lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata risiko kes mencecah 1,300 sehari adalah berdasarkan nilai R naught (Ro) atau kebolehjangkitan semasa yang berada pada kadar 1.5, susulan peningkatan kes baharu wabak ketika ini.

Nilai Ro merujuk kebolehjangkitan sesuatu virus, iaitu bilangan individu boleh dijangkiti satu kes positif. Jika nilai Ro ialah 1.5, bermakna satu kes positif boleh menyebarkan kepada antara satu hingga dua individu lain.

"Berdasarkan graf nilai Ro ketika ini yang masih berada pada unjuran 1.5, kes baharu boleh mencecah antara 1,200 hingga 1,300 sehari menjelang 31 Oktober depan. Ini perkara yang kita bimbangkan.

"Namun, adalah tidak mustahil untuk kita menurunkan nilai Ro itu jika ada kerjasama padu da-



ripada semua pihak bersama Kementerian Kesihatan (KKM). Pada gelombang kedua, apabila R naught kita mula dengan 3.5, bererti 100 orang akan menjangkiti 350 orang.

"Bagaimanapun, kita berjaya melandaikan sehingga 0.3. Tak mustahil untuk kita melaksanakan tugas kita untuk menurunkan sekali lagi jangkitan kes dalam komuniti," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah 871 kes baharu semalam,

menjadikan keseluruhan jangkitan kini mencecah 20,498, termasuk 7,049 kes aktif, dengan kes baharu meliputi 866 penularan tempatan dan lima kes import, masing-masing dua dari India dan Nepal serta satu dari Singapura.

Katanya, dua daripada kes baharu membabitkan individu pulang dari Sabah, sekali gus menjadikan jumlah jangkitan yang mempunyai sejarah perjalanan ke negeri terbabit ialah 443 sejak 20 September lalu.

Beliau memaklumkan, seba-

nyak 97 atau 11.1 peratus kes dilaporkan setakat tengah hari semalam adalah daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman, Kluster Penjara Seberang Perai serta Kluster Penjara Kepayan, yang terasing di dalam penjara dan tidak menjangkiti masyarakat.

"Negeri di Lembah Klang menyumbang 9.6 peratus daripada jumlah kes baharu. Sabah terus mencatatkan jumlah tertinggi dengan 702 kes atau 80.6 peratus kerana lebih ramai individu disa-



Dr Noor Hisham Abdullah.

ring di lapangan. Sejak pandemik bermula, 251,030 individu disaring di Sabah," katanya.

Bagi kematian pesakit, Dr Noor Hisham berkata, tujuh kes baharu dilaporkan semalam, membabitkan enam mangsa di Sabah dan seorang lagi di Selangor, menyaksikan jumlah keseluruhan korban wabak itu kini mencecah 187 mangsa atau 0.9 peratus.

Kematian ke-181 membabitkan lelaki tempatan berusia 61 tahun tanpa latar belakang penyakit lain meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, kematian ke-182 membabitkan wanita tempatan berusia 70 tahun menghidap darah tinggi dan meninggal dunia di Hospital Tawau.

"Seterusnya, seorang lelaki tempatan berusia 57 tahun dengan rekod penyakit darah tinggi, meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth. Satu lagi kes, wanita warga asing, 55, menghidap penyakit darah tinggi, meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent, Sandakan," katanya.

Selain itu, seorang lelaki warga asing berusia 41 tahun tanpa latar belakang penyakit lain meninggal dunia di Hospital Tawau serta lelaki tempatan berusia 44 tahun turut menghidap sakit jantung, darah tinggi, kencing manis dan dislipidemia, meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent.

"Kematian lain membabitkan seorang wanita tempatan berusia 46 tahun tanpa rekod penyakit lain, meninggal dunia di sebuah pusat perubatan di Selangor. Kementerian Kesihatan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka," katanya.

Bagi kes sembuh pula, katanya, sebanyak 701 direkodkan semalam, iaitu tertinggi sejak pandemik itu melanda negara, menjadikan jumlah keseluruhan pesakit pulih sepenuhnya mencecah 13,262 kes atau 64.7 peratus.

Empat lagi kluster baharu dikesan babit 5 negeri

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengenal pasti empat lagi kluster baharu COVID-19 yang dikesan di lima negeri.

Kluster Bah Layangan dikenal pasti di Wilayah Persekutuan Labuan dan Rembau, Negeri Sembilan; Kluster Alma di Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang; Kluster Auto di Petaling, Kuala Langat dan Klang, Selangor serta Seremban, Negeri Sembilan dan Kluster Penjara Kepayan di Kota Kinabalu, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,

berkata Kluster Bah Layangan dikesan apabila kes ke-15,654 yang ada sejarah perjalanan ke daerah berisiko tinggi positif hasil saringan individu bergejala pada 10 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Labuan.

"Setakat jam 12 tengah hari (semalam), 142 individu sudah disaring dengan 13 dikesan positif, 67 negatif dan 62 masih menunggu

keputusan," katanya pada sidang media COVID-19 di sini, semalam.

Kes indeks bagi Kluster Alma adalah kes ke-18,066 yang positif hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober sebelum dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang, disusuli saringan kontak rapat yang mendapati enam lagi kes positif.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 183 individu disaring dengan tujuh dikesan po-

sitif, 43 individu negatif dan 133 individu masih menunggu keputusan.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Auto pula membabitkan kes indeks yang positif hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh sebelum saringan kontak rapat dilakukan yang mengenal pasti lapan lagi kes positif.

"Sehingga jam 12 tengah hari (semalam), sembilan kes dikesan

positif dan punca jangkitan bagi kluster ini masih dalam siasatan. Kluster Penjara Kepayan pula membabitkan kes indeks hasil saringan kemasukan ke Hospital Queen Elizabeth pada 14 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat mendapati 48 lagi kes positif bagi kluster ini. Sehingga jam 12 tengah hari (semalam), seramai 170 individu disaring dengan 49 kes dikesan positif, 121 individu negatif," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

JANGKITAN KINI MENCABAR

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Gelombang ketiga pandemik Covid-19 miliki ciri kebolehhajangan virus yang tinggi

Kuala Lumpur

Gelombang ketiga 'serangan' pandemik Covid-19 di Malaysia dianggap lebih mencabar dan memiliki ciri kebolehhajangan virus yang tinggi.

Perkara itu diakui Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang memaklumkan Nilai kebolehhajangan (Ro) Covid-19 pada permulaan gelombang ketiga 20 September lalu adalah 2.2.

Namun, menurutnya, angka itu diturunkan kepada 1.5 dalam tempoh empat minggu.


"Nilai Ro Covid-19 kini berjaya dilandaikan kepada 1.5 berbanding 2.2 yang direkodkan Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) sebelum ini. "Ini bermakna setakat ini usaha yang dijalankan dapat mengelakkan daripada peningkatan kes secara mendadak. Meskipun begitu, jika dilihat pada carta palang ini (iaitu jumlah kes positif Covid-19 yang dilaporkan setiap hari) didapati ia masih mengikuti garisan unjuran nilai $R = 1.5$.

"Oleh itu, boleh dijangkakan kes harian Covid-19 masih akan meningkat tetapi bukanlah secara mendadak," katanya dalam sidang khas menerangkan Ro terkini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, segala usaha di lapangan mesti diteruskan dan dilipat gandakan lagi termasuklah kawalan pergerakan harus diperketatkan.

"Rakyat perlu membantu negara dengan duduk di ru-



Rakyat perlu membantu negara dengan duduk di rumah. Rantainya jangkitan mestilah diputuskan

Dr Noor Hisham Abdullah

mah. Rantainya jangkitan mestilah diputuskan. Seperti yang disebut, jika rantaian jangkitan dapat diputuskan

ia akan mengawal penularan dan nilai R juga akan turun lebih rendah daripada 1.0 sehingga kurang daripada 0.3.

"Untuk makluman, nilai Ro merujuk kepada kebolehhajangan sesuatu virus pada permulaan sesuatu wabak di dalam masyarakat, iaitu secara puratanya berapa ramai individu yang boleh dijangkiti oleh kes positif atau hos virus berkenaan," katanya.

Beliau berkata, misalnya, jika nilai Ro adalah 4, ini bermakna bahawa setiap seorang kes positif boleh menyebarkan penyakit ini kepada empat orang yang lain dalam satu tempoh kebolehhajangan.

"Pada permulaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, nilai Ro ketika itu adalah 3.5 namun ia berjaya diturunkan sehingga 0.3 iaitu susulan impak positif tindakan yang diambil oleh kerajaan serta pematuhan oleh rakyat kepada

perintah dan prosedur operasi standard (SOP) yang diperkenalkan.

"Sepagimana yang diunjurkan pada 16 Julai 2020, kita mencapai kes penularan tempatan sifar," katanya.

Katanya, Malaysia mulai mencatatkan semula nilai R yang tinggi pada 7 September lalu iaitu 1.7. Ini adalah susulan situasi peningkatan kes Covid-19 di Kedah dan Sabah pada ketika itu.

"Nilai R yang tinggi di kedua-dua negeri ini memberi kesan besar terhadap nilai R negara. Nilai R kemudiannya dilihat tidak stabil dan kekal melebihi 1.0.

"Gelombang ketiga wabak Covid-19 di Malaysia ini sememangnya lebih mencabar walaupun kita lebih bersedia dari segi kapasiti dan tindakan kesihatan awam yang dijalankan," katanya.

Empat kluster baharu di lima negeri

Kuala Lumpur: Empat lagi kluster baharu Covid-19 dikesan muncul di lima negeri semalam oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu pertama dikenal pasti adalah Kluster Bah Layangan dilaporkan berada di Wilayah Persekutuan, Labuan dan Rembau, Negeri Sembilan.

"Kes indeks kluster ini mempunyai sejarah perjalanan ke daerah berisiko dikenal pasti melalui hasil saringan individu bergejala pada 10 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Labuan. "Saringan kontak rapat di-

lakukan mengenal pasti 12 lagi kes positif. Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), 142 individu disaring dengan 13 kes positif, 67 negatif dan 62 individu masih menunggu keputusan," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua dikenal pasti adalah Kluster Alma yang dilaporkan di Seberang Perai Selatan dan Seberang Tengah, Pulau Pinang.

"Kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-18,066 didapati positif hasil sa-

ringan individu bergejala pada 14 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

"Saringan kontak rapat dilakukan mendapati enam lagi kes positif. Sehingga jam 12 tengah hari semalam, 183 individu disaring dengan tujuh kes dikesan positif, 43 negatif dan 133 masih menunggu keputusan," katanya.

Beliau berkata, satu lagi kluster dikenal pasti adalah Kluster Auto yang dilaporkan di Petaling, Kuala Langat dan Klang. Se-

panjang dengan kes indeks dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 15 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Saringan kontak rapat dilakukan mengenal pasti lapangan lagi kes positif. Sebanyak sembilan kes dikesan positif dan punca jangkitan bagi kluster ini masih dalam siasatan.

"Kluster keempat adalah Kluster Penjara Kepayan ptda dilaporkan di Kota Kinabalu, Sabah dengan kes indeks bagi kluster ini adalah hasil saringan kemasukan ke Hospital Queen Elizabeth pada 14 Oktober lalu," katanya.

Lonjak 871 jangkitan baharu, tujuh maut

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara terus melonjak apabila merekodkan 871 kes menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 20,498 kes dengan jumlah kes aktif 7,049 serta tujuh kematian, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian dilaporkan semalam memabitkan lima individu tempatan termasuk dua wanita berusia 44 hingga 70 tahun dan dua individu bukan warganegara berusia 41 serta 53 tahun.

"Daripada jumlah itu,

enam kematian dilaporkan di Sabah dengan empat daripadanya mempunyai latar belakang penyakit kronik iaitu darah tinggi, jantung, kencing manis, buah pinggang dan dislipidemia selain satu kes dilaporkan di Selangor.

"Tujuh kematian direkodkan itu menjadikan keseluruhan kes kematian dilaporkan ialah 187 kes," katanya di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 871 kes baharu dilaporkan, lima daripadanya memabitkan penularan import manakala selebihnya penularan tempatan.

"Daripada jumlah itu, 702

kes dilaporkan di Sabah. Selangor (72), Pulau Pinang (45), Perak (10), Labuan (9), Kedah (9), Kuala Lumpur (7), Sarawak (5), Perak (4), Negeri Sembilan (3), Terengganu (2), Johor (1) dan Melaka (1).

"Secara keseluruhannya, 97 kes hari ini (semalam) adalah daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman, Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Penjara Kepayan yang terasing di dalam penjara serta tidak menjangkiti masyarakat.

"Selain itu, dua kes direkodkan hari ini (semalam) memabitkan pengunjung yang pulang dari Sabah men-

jadikan jumlah keseluruhan kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke negeri terbabit sejak 20 September lalu adalah 443 kes," katanya.

Beliau berkata, terdapat 86 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi dengan 28 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Ada 701 kes dilaporkan pulih hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya 13,262 kes atau 64.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Jumlah pesakit pulih direkodkan hari ini (semalam) adalah tertinggi direkodkan setakat ini," katanya.



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Seramai 871 individu dikesan positif, empat kluster baru direkodkan **Kes Covid-19 melepasi angka 20,000**

Oleh NOR IDAYU BOSRO dan NUR SHARIEZA ISMAIL

PUTRAJAYA – Jumlah keseluruhan kes Covid-19 melepasi angka 20,000 selepas merekodkan 20,498 kes semalam.

Jumlah berkenaan disumbangkan oleh 871 kes positif termasuk empat kluster baharu iaitu Kluster Bah Layangan, Kluster Alma, Kluster Auto dan Kluster Penjara Kepadayan.

Hampir 10,000 kes direkodkan dalam tempoh 18 hari sejak 1 Oktober lalu selepas negara mencatatkan kes tiga digit secara berturut-turut setiap hari dengan paling tinggi dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 80.6 peratus atau 702 kes dilaporkan di Sabah berikutan pelaporan sampel dari negeri itu yang dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan dalam jumlah yang besar.

Beliau berkata, setakat semalam, keseluruhan kes Covid-19 di Sabah adalah sebanyak 7,439 iaitu 36.3 peratus daripada jumlah kumulatif kes di Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan telah menjalankan ujian penganasan Covid-19 ke atas 251,030 individu di Sabah sejak permulaan pandemik itu di negara ini.

"Ini susulan daripada penganasan kes secara aktif yang di-



ANGGOTA Polis Bantuan Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) melakukan rondaan menggunakan topi ledaklar pintar bagi mengesan suhu badan pengguna di KL Sentral.

jalankan oleh kesihatan awam sebagai salah satu langkah untuk membendung penularan jangkitan Covid-19 di Sabah.

"Sehingga hari ini (semalam), kadar positif Covid-19 Sabah adalah sebanyak 2.96 peratus," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, 11.1 peratus atau 97 lagi daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman, Kluster Pen-

gara Seberang Perai dan Kluster Penjara Kepadayan.

Beliau berkata, negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 9.6 peratus atau 84 daripada jumlah keseluruhan kes dengan Selangor 77 kes termasuk kes import dan Kuala Lumpur (tujuh).

Menurutnya, tujuh kematian turut dilaporkan semalam iaitu paling tinggi dalam tempoh 24 jam menjadikan kes kumulatif kematian di Malaysia akibat pan-

demik itu sebanyak 187 kes.

"Enam kematian dilaporkan di Sabah melibatkan dua lelaki warga negara berusia 57 dan 61 tahun di Hospital Queen Elizabeth, seorang wanita warganegara berusia 57 tahun di Hospital Tawau, seorang lelaki warga asing berusia 41 tahun di Hospital Tawau dan wanita warga asing 55 tahun di Hospital Duchess of Kent.

"Satu lagi kematian di Selangor membabitkan seorang wanita

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	871
• Import: 5	Tempatan: 866
• Pulih	701
• Kematian	7
• Masih dirawat	7,049
• Jumlah kes sembuh	13,262
• Jumlah Kematian	187
Jumlah kes keseluruhan	20,498

berusia 46 tahun," ujarnya.

Beliau berkata, sebanyak 31 kluster aktif menunjukkan peningkatan kes baharu semalam antaranya Kluster Tujuh Serangkai (25), Penjara Reman (22), Penjara Seberang Perai (18), Ramai-Ramai (17), Tanamera (13) dan Tembok (lapan).

Selain itu, Kluster Jalan Bomba (lapan), Kasih (tujuh), Kluster Utama, Jalan Meru, Menara dan Buntar masing-masing (enam); Simera dan Bah Tropicana masing-masing lima.

Gagal patuhi SOP, kes baharu boleh cecah 1,300 sehari

PUTRAJAYA – Kes baharu Covid-19 boleh mecah 1,300 kes sehari menjelang 31 Oktober ini jika nilai kebolehhajangan atau R-naught (RO) tidak menunjukkan penurunan berbanding kadar 1.5 ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, gelombang ketiga pandemik Covid-19 ketika ini lebih mencabar walaupun negara telah bersedia dari segi kapasiti dan tindakan kesihatan awam yang dijalankan.

Beliau berkata, nilai RO sewaktu permulaan gelombang ketiga pandemik Covid-19 dalam negara pada 20 September lalu pernah mencecah paras kritikal dengan nilai 2.2, namun dapat diturunkan antara 1.3 hingga 1.5 dalam tempoh empat minggu.

"Ini bermaksud jumlah kes harian dijangka akan terus meningkat tetapi bukan secara mendadak sekiranya mengikut un-

jurun nilai RO 1.5.

"Kalau situasi kes mengikut unjuran nilai RO 2.2, kita melihat kebolehhajangan yang tinggi dengan kes harian melebihi 1,000.

"Bagaimanapun, nilai unjuran semasa ialah 1.3 hingga 1.5 yang bermaksud jangkitan masih berlaku dalam komuniti tetapi pada kadar lebih landai," katanya pada sidang akhbar penjelasan nilai RO di sini semalam.

Nilai RO merujuk kepada kebolehhajangan sesuatu virus pada permulaan sesuatu wabak di dalam masyarakat iaitu berapa ramai individu boleh dijangkiti oleh kes yang dikesan positif atau hos virus tersebut.

Jika nilai RO ialah 1.5, bermakna satu kes positif boleh menyebarkan kepada antara satu hingga dua individu lain.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, peningkatan kes sembah yang dilaporkan setiap hari juga mampu melandaikan lekuk


Covid-19 seterusnya meningkatkan kapasiti hospital dan pusat kuarantin serta rawatan risiko rendah (PKRC).

Katanya, tindakan kesihatan awam, kawalan ketat sempadan dan kerjasama padu daripada masyarakat dalam mematuhan penuh prosedur operasi standard (SOP) diperlukan untuk terus menurunkan nilai RO.

"Rantaian penularan ini akan berterusan secara mendadak jika tiada usaha dijalankan untuk menghentikannya," ujarnya.

Untuk rekod, nilai RO pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu ialah 3.5 sebelum berjaya diturunkan sehingga 0.3 berikutnya mengikut tindakan kerajaan dan pematuhan rakyat terhadap PKP dan SOP.


Bagaimanapun, negara mulai mencatat semula nilai RO yang tinggi pada 7 September lalu iaitu 1.7 susulan peningkatan kes Covid-19 di Kedah dan Sabah.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -



OKTOBER BULAN CEMAS RAKYAT MALAYSIA

PENINGKATAN kes koronavirus (Covid-19) di Malaysia yang merekodkan sebanyak 871 kes harian yang dilaporkan semalam cukup mencemaskan rakyat kerana angka tertinggi dalam sejarah penularan virus itu dalam negara. Ini adalah kali keenam angka kes harian tertinggi dicatatkan dalam tempoh 17 hari sejak 2 Oktober lalu.

Jumlah kes Covid-19 untuk tempoh 18 hari bulan Oktober ini sahaja adalah sebanyak 9,274 kes berbanding 11,135 kes sepanjang tempoh tujuh bulan sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan wabak itu kini mencecah 20,498 kes dengan 7,049 kes aktif.

Tujuh kematian baharu akibat Covid-19 turut dilaporkan semalam membabitkan enam mangsa di Sabah dan seorang lagi di Selangor, menyaksikan jumlah keseluruhan korban wabak itu kini mencecah 187 mangsa.

Kajian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut mendapati rakyat semakin terkesan akibat pandemik ini apabila jumlah kehilangan pekerjaan akibat Covid-19 meningkat kepada 2.4 juta manakala 35 peratus yang bekerja sendiri pula kehilangan pendapatan sehingga sebanyak 90 peratus.

Dalam masa kritikal ini, berlaku pergolakan dalam politik Malaysia apabila Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berusaha merampas kuasa daripada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan mendakwa mendapat sokongan 121 ahli Parlimen.

Krisis dalaman turut melanda Perikatan Nasional (PN) susulan keputusan UMNO untuk mempertimbang semula sokongannya terhadap kerajaan gabungan itu serta mahu mengemukakan syarat baharu bagi meneruskan sokongan parti itu turut membingungkan rakyat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

871 kes positif

Jumlah kes baharu harian catat rekod tertinggi di Malaysia

PUTRAJAYA

Jumlah kes baharu harian koronavirus (Covid-19) di Malaysia mencatatkan rekod tertinggi sejak pandemik itu melanda Malaysia dengan 871 kes dilaporkan semalam, menjadikan angka keseluruhan sebanyak 20,498 kes. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan virus tersebut sebanyak 7,049 kes. Menurutny, tujuh kematian turut dilaporkan setakat jam 12

tengah hari semalam. Namun, katanya, Malaysia melaporkan berita baik dengan kes pulih harian tertinggi sebanyak 701 kes.

"Sebanyak 97 kes (11.1 peratus) hari ini (semalam) daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman, Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Penjara Kepayan. Kes ini terasing di dalam penjara dan tidak menjangkiti masyarakat. "Negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 9.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 702 kes (80.6 peratus)," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, empat lagi kluster baharu dikenal pasti iaitu Kluster Bah Layan, Kluster Alma, Kluster Auto dan Kluster Penjara Kepayan.

"Kes indeks bagi Kluster Bah Layan (kes ke-15,654) dikenal pasti positif hasil saringan pada 10 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Labuan.

"Kluster Alma melibatkan Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah di Pulau Pinang, manakala Kluster Auto melibatkan daerah Petaling, Kuala Langat dan Klang (Selangor) serta daerah Seremban (Negeri Sembilan).

"Kluster Penjara Kepayan dikenal pasti di Kota Kinabalu," katanya. - Bernama

Malaysia berjaya turunkan kadar Rt

PUTRAJAYA - Malaysia telah berjaya menurunkan kadar nilai kebolehhajangan (Rt) atau R-naught (R0) koronavirus (Covid-19) daripada 2.2 pada permulaan gelombang ketiga pada 20 September lalu kepada 1.3 hingga 1.5 sekarang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia bermakna usaha yang diambil kerajaan setakat ini telah dapat mengelak peningkatan kes secara mendadak.

Namun, katanya, jika dilihat jumlah kes positif harian Covid-19 sejak beberapa hari lalu dan unjuran kes pada masa akan datang, pihaknya menjangkakan R0 kekal dalam lingkungan 1.5. "Dijangkakan kes harian Covid-19 masih meningkat tetapi bukanlah secara mendadak.

"Unjuran ini amat penting kerana ia menunjukkan bahawa masih terdapat ruang bagi kita berusaha mengawal situasi gelombang ketiga," katanya pada sidang media di Kementerian Kesihatan di sini semalam.


Nilai R0 merujuk kepada kebolehhajangan sesuatu virus pada permulaan sesuatu wabak dalam masyarakat iaitu secara purata berapa ramai individu yang boleh dijangkiti kes positif atau hos virus tersebut.

Dr Noor Hisham berkata, R0 boleh menurun jika langkah pencegahan yang tepat dijalankan secara berterusan bagi membendungnya.

"Menurunkan nilai R0 kepada kurang daripada 1 secara berterusan akan membantu mengakhiri sesuatu wabak," katanya. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	20,498	PULIH:	13,262	ICU:	86	KEMATIAN:	187	KES BAHARU	+871
---------------------	--------	--------	--------	------	----	-----------	-----	------------	------



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 19,627 kes kepada 20,498 kes

INFOGRAFI SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pegawai penjara positif Covid-19



Kes pertama melibatkan pegawai penjara dilaporkan di Penjara Seberang Perai di Jawi, Seberang Perai Selatan kelmarin.

Pulau Pinang catat kes positif Covid-19 yang pertama melibatkan pegawai penjara di Penjara Seberang Perai

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Pulau Pinang mencatat kes positif koronavirus (Covid-19) yang pertama melibatkan pegawai penjara di Penjara Seberang Perai di

Jawi, Seberang Perai Selatan kelmarin.

Pengarah Penjara Pulau Pinang, Roslan Mohamed berkata, satu daripada 26 kes aktif yang dilaporkan kelmarin melibatkan pegawai di penjara tersebut.

Namun, katanya, pihaknya bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menyiariat punca pegawai penjara tersebut dijangkiti.

"Petugas KKM telah memeriksa semua kontak rapat pegawai terbabit dan kita masih menunggu keputusannya.

"Pemantauan rapi sedang dijalankan ke atas semua banduan dan petugas penjara," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Roslan berkata, sebanyak 25 kes aktif yang dilaporkan di penjara berkenaan melibatkan banduan yang baru sahaja dijatuhi hukuman dan mereka kini ditempatkan di blok baharu bersama banduan yang disahkan positif Covid-19.

"Sehingga semalam (kelmarin), Kluster Penjara Jawi mencatatkan sebanyak 54 kes," katanya.

Pulau Pinang kini mempunyai dua kluster utama iaitu Penjara Reman dan Penjara Jawi, menjadikan kedua-duanya sebagai institusi hukuman ketiga dan keempat di Malaysia yang merekodkan jangkitan Covid-19 selepas Tawau di Sabah dan Alor Setar di Kedah.

KKM mahu pelaksanaan PKPB diperketatkan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mahu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sedang dikuatkuasakan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sabah diperketat bagi mengekang penularan koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkara itu akan diusulkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam masa terdekat.

"Kita perketatkan dan bemarkan sektor ekonomi sahaja," katanya pada sidang media perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Menurutnya, segala bentuk

perhimpunan melibatkan jumlah peserta yang besar perlu dikurangkan agar penularan Covid-19 dapat diputuskan.

Pelaksanaan PKPB yang antara lain menyaksikan institusi pendidikan ditutup, selain majlis diminta mengaktifkan pelan bekerja dari rumah dan penggiliran bagi pekerja mereka berkuat kuasa di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor sejak 14 Oktober lalu selama 14 hari, sementara di Sabah bermula dari 12 hingga 26 Oktober ini.

Kelmarin, Mesyuarat Khas MKN memutuskan pemilik dan pengusaha fasiliti sukan komersial dalam kawasan PKPB iaitu padang bola sepak komersial, gimnasium dan gelanggang fut-

sal serta dewan badminton komersial dibenar beroperasi semula mulai hari ini.

